



Sebahagian pelajar Kolej MCS Banting yang terlibat dalam aktiviti berkenaan.



Abdul Fatah, Hafez dan wakil Tokong Dong Zen ketika meletakkan tanda perasmian selepas acara menanam pokok yang dinamakan Pokok Harmoni.

Gotong-royong erat perpaduan

Lebih 80 peserta gembeng tenaga bersihkan rumah ibadat di sekitar Jenjarum

KUALA LANGAT - Perpaduan yang telah lama dibina perlu dipertahankan tidak kira dalam apa juga aktiviti yang dianjurkan.

Menyedari hakikat itu, Majlis Permuafakatan Parlimen Kuala Langat dengan kerjasama Majlis Belia Daerah Kuala Langat diketuai Hafez Shuriddin menyahut seruan itu dengan mengadakan Gotong-Royong Perpaduan yang melibatkan surau, tokong dan kuil di sekitar Jenjarum, Ahad lalu.

Program yang disertai lebih 80 peserta termasuk pelajar Kolej MCS Banting itu dilihat memberi impak dalam menceraikan dan mengindahkan

rumah ibadat di kawasan terlibat.

Turut hadir menyempurnakan acara gimik perasmian, Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdul Fatah Iskandar.

Dalam pada itu, Abdul Fatah berkata, program itu dilihat mampu menjadi platform menyatupadukan rakyat pelbagai kaum.

"Melalui kegiatan seperti ini, masyarakat berpeluang bergaul mesra bagi meningkatkan persefahaman, dan sikap bertolak ansur yang dapat memperkukuhkan lagi perpaduan," katanya.



Aktiviti mengecat pagar surau oleh peserta lelaki.



Abdul Fatah sempat menanam pokok di sebuah kuil.



Abdul Fatah ketika beramah mesra dengan seorang wakil Tokong Dong Zen.



Sebahagian peserta membersihkan surau di Taman Sejahtera, Jenjarum.



Kesemua peserta melakukan senaman Tai Chi bagi memansakan badan sebelum acara gotong royong dijalankan di Tokong Dong Zen.